

# **KEPERLUAN PEKERJA SOSIAL SEKOLAH UNTUK MENANGANI MASALAH SOSIAL PELAJAR DI MALAYSIA**

*(The Need Of School Social Workers For Dealing  
With Student Social Problems In Malaysia)*

---

**Nurzaimah Binti Asalal<sup>1</sup>**

*nurzaimahasalal@yahoo.com*

**Haris Abd Wahab**

*haris@um.edu.my*

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial,  
Universiti Malaya

**Ezarina Zakaria**

*ezaz@ukm.edu.my*

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

---

## **Abstract**

Student involvement in criminal activities and drug abuse reflects the seriousness of social problems among school students. School counselors are the main actors in helping students with issues at school. A study was conducted to identify school counselors' acceptance on the implementation of school social work interventions in addressing students' social problems. The study was conducted using quantitative methods by distributing questionnaires at secondary school in Kuala Lumpur. Forty-five school counselors were involved in this study. The findings show that the counselors' acceptance of the implementation of school social work interventions is promising. These findings indicate that school social work interventions to address students' social problems in Malaysia are vital. The school social worker's involvement is essential in the education sector to reduce the social issues of students and the workload of the school counselors.

**Keywords:** School social work, social worker, social problems, social work intervention, school counselors

---

<sup>1</sup> Penulis koresponden

## **Pengenalan**

Kerja sosial sekolah mula diperkenalkan dan dilaksanakan secara rasminya di New York, Boston dan Hartford, Amerika Syarikat pada tahun 1906 (Cynthia & Vanessa, 2018). Perkembangan praktis kerja sosial sekolah ini telah dipengaruhi oleh masalah sosial yang banyak berlaku dalam kalangan pelajar dan pembentukan undang-undang yang mewajibkan pendidikan kepada setiap warganegaranya. Pada peringkat awal intervensi kerja sosial sekolah dilaksanakan secara sukarela oleh pekerja sosial untuk membantu pelajar yang mempunyai masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemudian intervensi kerja sosial sekolah di Amerika Syarikat telah dinaik taraf menjadi perkhidmatan sosial awam yang disampaikan oleh pekerja sosial terlatih.

Keberkesanan intervensi yang dijalankan oleh pekerja sosial kepada pelajar telah menyebabkan negara Amerika Syarikat mengiktiraf bidang kerja sosial di sekolah-sekolah awam. Keberkesanan intervensi tersebut adalah berasaskan kepada kejayaan perkhidmatan kerja sosial sekolah membantu dalam mencegah kepelbagaian masalah sosial dalam kalangan pelajar. Antara kejayaan tersebut ialah pekerja sosial sekolah di New York berjaya membantu pelajar yang mempunyai masalah dari segi akademik dan psikologi. Pelaksanaan pendekatan terapi oleh pekerja sosial di Hartley House dan Greenwich House juga telah berjaya membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Perkembangan terkini dan keberkesanan pekerja sosial dalam membantu menangani masalah sosial pelajar perlu diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia, khususnya kementerian pelajaran. Perangkaan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar dan kepelbagaian tugas kaunselor memerlukan intervensi alternatif bagi menyelesaikan masalah sosial pelajar. Antara intervensi alternatif yang berkesan dalam menangani masalah sosial pelajar ialah penyediaan perkhidmatan kerja sosial sekolah di Malaysia (Nurzaimah, 2016). Pelaksanaan intervensi kerja sosial sekolah ini perlu bagi mengatasi masalah keciciran akademik dan masalah sosial dalam kalangan pelajar yang memberi kesan terhadap sistem pendidikan.

Namun, praktis kerja sosial yang masih belum mendapat pengiktirafan mempengaruhi kerja sosial sekolah belum dapat dilaksanakan di Malaysia (Khairul, 2017). Malah profesion kerja sosial sekolah ini sering dianggap mempunyai persamaan dengan tugas-tugas kaunselor sekolah. Anggapan tersebut kurang tepat kerana intervensi yang dijalankan oleh pekerja sosial sekolah dan kaunselor adalah berbeza dari segi praktis. Kaunselor sekolah dan guru disiplin hanya membantu pelajar di kawasan sekolah sahaja (Spora, 2010; Sherman, 2016; Daftary & Ashley, 2020). Manakala intervensi yang disampaikan oleh pekerja sosial bukan sahaja melibatkan pelajar tetapi turut melibatkan keluarga, kumpulan dan komuniti (Leyba, 2010). Menurut West dan Heath (2011), penglibatan keluarga, kumpulan dan komuniti perlu kerana pelajar yang terlibat dalam masalah sosial seperti ketagihan dadah dan kemiskinan bukan bermula di kawasan sekolah, tetapi daripada persekitaran pelajar itu sendiri. Keadaan ini menggambarkan skop intervensi kerja sosial sekolah yang lebih luas dalam menangani masalah pelajar sesuai dilaksanakan di Malaysia.

## **Ulasan Literatur**

### **Konsep kerja sosial**

Terdapat pelbagai pengertian tentang kerja sosial yang diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang perkhidmatan manusia. Mengikut International Federation of Social Workers (IFSW) dan International Association of Schools of Social Work (IASSW), kerja sosial merujuk kepada profesion kerja sosial yang menggalakkan perubahan sosial, menyelesaikan masalah individu dan kebebasan individu untuk mencapai kesejahteraannya (Zastrow, 2014).

Kerja sosial sebagai satu aktiviti profesional dalam mengupayakan individu, kelompok dan masyarakat agar mampu memenuhi keperluan sosial sekaligus mencapai kefungsian sosial. Cournoyer (2013) pula menyatakan kerja sosial adalah profesion yang membantu individu memenuhi keperluan dalam persekitaran agar individu berkenaan mampu bertindak balas dengan persekitaran tersebut. Persekitaran yang dimaksudkan adalah merujuk kepada persekitaran keluarga, rakan dan komuniti. Mereka turut menyatakan tiga aktiviti utama kerja sosial. Pertama, aktiviti pemulihan bagi mengurangkan dan menyelesaikan masalah yang berpunca dari seseorang individu dan persekitarannya. Kedua, menghubungkan individu dan masyarakat

dengan sumber-sumber persekitarannya. Ketiga, mencegah daripada berlakunya kepincangan hubungan antara individu dengan persekitaran dan memperkuuhkan potensi yang dimiliki individu bagi mengelak daripada berlakunya ketidakfungsian sosial.

Menurut Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (2015), kerja sosial adalah profesi yang dipandu oleh ilmu pengetahuan, nilai dan kemahiran, menggunakan pendekatan bio-psiko-sosial, untuk memudahkan fungsi sosial optimum individu, keluarga, kelompok dan komuniti. Pekerja sosial mendukung kod etika dan tingkah laku berdasarkan nilai-nilai hak asasi manusia dan keadilan sosial. Profesi ini juga menyumbang ke arah pembangunan sosial dan perubahan sosial melalui peningkatan dasar sosial, undang-undang, program dan perkhidmatan, sesuai dengan keperluan penduduk sosio-budaya Malaysia yang pelbagai untuk kualiti hidup yang lebih baik.

National Association of Social Workers (NASW) Amerika Syarikat (2017) menyatakan misi utama kerja sosial adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dan memandu manusia dalam memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, tanggungjawab seorang pekerja sosial adalah untuk membantu meningkatkan kesejahteraan hidup individu, keluarga, kumpulan dan komuniti sehingga mampu mencapai kefungsiaannya. Peranan ini memerlukan pekerja sosial mempunyai kemahiran dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi klien. Bagi melaksanakan peranan tersebut pekerja sosial perlu didedahkan dengan praktis kerja sosial dan garis panduan profesion kerja sosial.

### **Konsep kerja sosial sekolah**

Kerja sosial sekolah merupakan latar kerja sosial dalam usaha meningkatkan kefungsian sosial pelajar dan sistem pendidikan (Salazar, 2010; Nurzaimah, 2013). Alvarez, Bye dan Randy (2013) menyatakan bahawa kerja sosial sekolah merupakan profesi yang dibangunkan bagi bertindak balas dengan keperluan kesejahteraan dan kebajikan pelajar. Usaha-usaha meningkatkan kesejahteraan pelajar memerlukan penglibatan individu, kumpulan, keluarga dan komuniti dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

NASW Amerika Syarikat (2017) telah menggariskan fokus utama kerja sosial sekolah adalah untuk mengkoordinasikan antara aktiviti sekolah, keluarga dan komuniti untuk membantu pelajar dalam aspek akademik, sosial, emosi dan mental. Kegagalan fungsi salah satu aktor tersebut akan menyebabkan pelajar tidak mampu berkefungsian sosial. Oleh itu, koordinasi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh sekolah, keluarga dan komuniti adalah perlu kerana setiap aktor ini mempengaruhi kesejahteraan dan kefungsian sosial pelajar.

Misi utama kerja sosial sekolah adalah membantu pihak sekolah dalam menangani masalah sosial yang mengganggu proses pembelajaran dan mengugat kesejahteraan pelajar sama ada di sekolah mahupun persekitaran luarnya (Sherman, 2016). Pekerja sosial sekolah berperanan menyampaikan perkhidmatan kepada individu, keluarga, kumpulan, komuniti dan sistem yang berkaitan dengan perkembangan sekolah. Bagi mencapai misi tersebut, Cournoyer (2013) menyatakan pekerja sosial perlu bekerjasama dengan aktor-aktor sosial yang mempunyai perkaitan dengan perkembangan sistem sekolah seperti keluarga, guru, rakan, guru besar, rakan sebaya, jiran, komuniti, pihak swasta, kerajaan dan kementerian.

Nurzaimah (2016) telah menggariskan empat objektif utama praktis kerja sosial sekolah. Pertama, meningkatkan kemampuan menyelesaikan masalah pelajar sekolah. Pekerja sosial sekolah perlu memainkan pelbagai peranan bagi bertindak balas dengan masalah yang berlaku dalam kalangan pelajar. Pekerja sosial sekolah perlu bertindak sebagai enabler, kaunselor, fasilitator atau educator dalam menyelesaikan masalah yang berlaku. Usaha-usaha menyelesaikan masalah pelajar memerlukan kerjasama pekerja sosial dengan pelajar, keluarga, guru dan rakan sebaya.

Kedua, menghubungkan individu dengan perkhidmatan sosial yang mampu membantu individu untuk mencapai kefungsian sosialnya. Untuk mencapai objektif ini memerlukan pekerja sosial bertindak sebagai broker kerana masalah yang dihadapi pelajar mungkin melibatkan sumber di luar bidang pendidikan. Oleh itu, pekerja sosial sekolah perlu menjadi orang tengah bukan sahaja kepada pelajar, malah keluarga pelajar dengan sumber-sumber bagi menyelesaikan masalah yang wujud. Contohnya, pekerja sosial sekolah boleh menyalurkan maklumat kepada keluarga pelajar yang menghadapi masalah kemiskinan berkenaan bantuan-bantuan yang boleh diperoleh

daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) agar keluarga tersebut mampu memenuhi keperluan mereka.

Ketiga, meningkatkan keberkesanan sistem sedia ada di sekolah. Pekerja sosial sekolah perlu bertindak sebagai advocater dalam meningkatkan keberkesanan sesuatu sistem yang sedia ada di sekolah. Contohnya, pekerja sosial sekolah boleh menjalankan penilaian terhadap keberkesanan unit disiplin dalam menangani masalah ponteng sekolah dalam kalangan pelajar.

Keempat, membangun dan memperbaiki polisi pendidikan. Pekerja sosial sekolah yang bertindak sebagai penyelidik dipercayai mampu meningkatkan keberkesanan sesuatu sistem yang dilaksanakan oleh pihak pentadbir sistem pendidikan menerusi penyelidikan yang dijalankan.

### **Peranan kerja sosial sekolah**

Peranan pekerja sosial sekolah boleh dimainkan melalui tiga konteks (Dubois & Miley, 2011; Cynthia & Vanessa, 2018). Pertama, perundingan. Kedua, pengurusan sumber. Manakala ketiga, pendidikan. Dalam konteks perundingan, pekerja sosial sekolah memainkan peranan sebagai pendaya-upaya (*enabler*). Bagi melaksanakan peranan tersebut, pekerja sosial menyampaikan intervensi kepada individu yang bermasalah secara individu atau kumpulan. Pekerja sosial bertanggungjawab dalam meningkatkan keupayaan pelajar untuk berhadapan dan mengatasi masalah yang dihadapi.

Dalam konteks perundingan pula, pekerja sosial sekolah berperanan sebagai fasilitator atau penunjuk cara kepada pelajar dan pihak sekolah. Pekerja sosial bertanggungjawab untuk menggalakkan penyampaian perkhidmatan yang terdapat di sekolah menjadi lebih berkesan. Zastrow (2014) menyatakan pekerja sosial perlu mempunyai pengetahuan dan teknik yang sistematik dalam memastikan sesuatu perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar mencapai matlamatnya. Selain itu, pekerja sosial sekolah juga berperanan sebagai perancang dalam mengkoordinasi pembangunan program dan polisi sosial yang berkaitan dengan perkembangan pelajar

serta pihak sekolah (Daftary & Ashley, 2020). Pekerja sosial sekolah menjalankan peranan ini melalui penyediaan program yang sesuai kepada pelajar di sekolah.

Peranan pekerja sosial sekolah dalam konteks pengurusan sumber memerlukan pekerja sosial menghubungkan pelajar, keluarga dan pihak sekolah dengan sumber-sumber yang relevan dalam memastikan keberkesanan sistem pendidikan (NASW, 2017). Bagi melaksanakan peranan ini, pekerja sosial sekolah bertindak sebagai broker atau orang tengah. Pekerja sosial sekolah perlu menjadi orang tengah antara pelajar dan ibu bapa dengan perkhidmatan atau sumber-sumber yang terdapat di sekolah dan di luar sekolah. Selain bertindak sebagai orang tengah, pekerja sosial sekolah berperanan sebagai mediator atau penghubung. Setelah mengenal pasti perkhidmatan yang sesuai, pekerja sosial perlu membantu pelajar atau keluarganya mendapatkan perkhidmatan tersebut. Pekerja sosial bertanggungjawab dalam memastikan kesesuaian perkhidmatan tersebut untuk membantu pelajar dan keluarganya. Jika perkhidmatan tersebut gagal dalam membantu pelajar dan keluarga, pekerja sosial sekolah perlu menghubungkan mereka dengan perkhidmatan lain yang lebih sesuai (Sheafor & Horejsi, 2012). Bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan bersesuaian dengan pelajar dan keluarga, pekerja sosial perlu menjalankan penilaian ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan.

Dalam konteks pengurusan sumber, pekerja sosial sekolah berperanan sebagai *catalyst* atau pemangkin. Dalam melaksanakan peranan ini, pekerja sosial sekolah merangsang perkhidmatan di peringkat komuniti di sekitar sekolah menerusi pelaksanaan aktiviti-aktiviti bersama pelajar dan keluarga (Sherman, 2016; Cynthia & Vanessa, 2020). Pelaksanaan aktiviti memerlukan penglibatan komuniti secara aktif. Antara pihak yang boleh dilibatkan dalam program bersama pelajar dan keluarga adalah seperti hospital, polis, kebajikan dan aktor-aktor dalam komuniti seperti artis, ahli politik dan NGO (Leyba, 2010).

Peranan pekerja sosial dalam konteks pendidikan memerlukan pekerja sosial terlibat dalam proses penyampaian maklumat dan mengenal pasti kumpulan yang memerlukan program pendidikan (Daftary & Ashley, 2020). Bagi melaksanakan tanggungjawab ini pekerja sosial berperanan sebagai *outreach worker*. Pekerja sosial perlu mengadakan sesi lawatan ke rumah pelajar dan mendekati komuniti sekitarnya

(Chen et al., 2018). Selain itu, pekerja sosial berperanan sebagai *trainer* atau pelatih kepada aktor-aktor yang terdapat di sekolah. Aktor-aktor yang terdapat di sekolah seperti pengetua, guru, kaunselor dan pentadbir sekolah. Kedua-dua peranan ini dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat mengenai sesuatu isu sosial. Penyebaran maklumat membolehkan ibu bapa, komuniti mahupun aktor-aktor di sekolah lebih memahami isu sosial yang berlaku dan cuba mencari jalan penyelesaian lebih berkesan. Dalam konteks ini juga pekerja sosial sekolah berperanan sebagai penyelidik. Oleh itu, pekerja sosial perlu menjalankan penyelidikan sepanjang perkhidmatannya di sekolah bagi membantu pihak sekolah memperbaiki sistem dan memastikan keberkesanannya (NASW, 2017).

## **Metodologi**

### **Skop kajian**

Kajian ini memfokus kepada penerimaan kaunselor sekolah terhadap intervensi kerja sosial sekolah oleh pekerja sosial. Terdapat pelbagai bentuk intervensi kerja sosial sekolah yang sesuai dilaksanakan dalam menangani masalah sosial pelajar. Namun, kajian ini hanya menumpukan terhadap intervensi berbentuk kaunseling individu dan kelompok, terapi keluarga, komuniti, kumpulan rakan sedarjah, rakan sebaya, penglibatan aktor dalam komuniti, perunding, terapi main peranan, terapi pembelajaran pemerhatian, terapi berfokus-cadangan dan penyelesaian dan modifikasi tingkah laku (Chen et al., 2018). Bentuk intervensi yang dikaji merupakan intervensi khusus yang banyak diperaktikkan oleh pekerja sosial sekolah (Kelly et al., 2010; DuBois & Miley, 2011; Zastrow, 2014).

Penerimaan kaunselor terhadap intervensi yang disampaikan oleh pekerja sosial sekolah menggambarkan sikap atau anggapan mereka terhadap profesion tersebut. Bagi kajian ini, penerimaan bermaksud sikap atau anggapan kaunselor sekolah terhadap intervensi kerja sosial sekolah oleh pekerja sosial dalam menangani masalah sosial pelajar. Penerimaan diukur berdasarkan kepada kerelevanannya intervensi peringkat mikro, messo dan makro dalam menangani masalah sosial pelajar (DuBois & Miley, 2011). Intervensi kaunselor lebih tertumpu kepada pendekatan mikro sahaja. Berbeza dengan intervensi pekerja sosial sekolah yang melibatkan intervensi di peringkat mikro, messo dan makro dalam membantu pelajar. Oleh itu, perlu diketahui

sama ada intervensi pada peringkat mikro, messo dan makro yang dijalankan oleh pekerja sosial sekolah dapat diterima atau dinilai positif oleh kaunselor sekolah atau sebaliknya. Ini selaras dengan pandangan terdahulu tentang konsep penerimaan oleh Hurlock (1997) yang menyatakan bahawa penerimaan boleh dianggap sebagai penilaian positif orang lain terhadap individu, kemampuan seseorang individu untuk terlibat secara aktif dalam kegiatan sosial dan kemampuan individu untuk bertindak balas dengan persekitarannya. Cynthia dan Vanessa (2018) menjelaskan pihak yang terlibat dalam pelaksanaan sesuatu intervensi berhak untuk menolak atau menerima berdasarkan penilaian positif terhadap intervensi berkenaan. Contohnya, masyarakat berhak menerima rawatan daripada seorang doktor dan juga berhak untuk menolak rawatan daripada seorang doktor.

Intervensi bermaksud proses menolong secara sistematik berdasarkan falsafah, nilai, etika dan kemahiran-kemahiran tertentu (Nurzaimah, 2013; Sosa & Kelly, 2017). Intervensi kerja sosial sekolah adalah berdasarkan kepada falsafah, nilai, etika dan kemahiran kerja sosial bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah sosial. Antara masalah sosial yang sering dilakukan pelajar adalah seperti datang lambat ke sekolah, ponteng kelas, mencalarkan kereta guru, tidak memakai lencana, tidak menghormati guru, memukul guru, mengugut, membunuh, merokok, menyalahgunakan dadah atau ganja dan merompak (Nurzatil, Nazneen & Sahlawati, 2015; Absha Atiah & Mohd Isa, 2019).

Masalah sosial pelajar boleh dilihat dari dua sudut. Pertama, masalah bersifat ringan seperti ponteng sekolah, tidak membuat kerja rumah, mengantuk dalam kelas, tidak fokus dengan pembelajaran dan datang lewat ke sekolah. Kedua merangkumi masalah yang berat iaitu tidak menghormati guru, memukul, bergaduh, vandalism, peras ugut dan terlibat dalam kegiatan kongsi gelap. Oleh itu, intervensi kerja sosial sekolah haruslah bersesuaian dengan masalah yang dihadapi pelajar dan mampu membantu mereka untuk meningkatkan kefungsian sosial (Sosa & Kelly, 2017). Terdapat beberapa peringkat intervensi kerja sosial sekolah iaitu peringkat mikro, meso dan makro. Intervensi kerja sosial sekolah yang dijalankan pada peringkat mikro adalah dalam bentuk kerja kes dan kumpulan. Intervensi kerja kes dan kumpulan melibatkan aktiviti kaunseling individu dan kumpulan, perundingan, terapi keluarga, kumpulan rakan sedarjah dan rakan sebaya. Intervensi kerja sosial pada peringkat

meso melibatkan aktor yang lebih luas seperti ahli politik, artis, jiran, NGO dan kementerian (Leyba, 2010). Manakala intervensi kerja sosial pada peringkat makro melibatkan peranan pekerja sosial sebagai penyelidik (Kelly et al., 2010; Cynthia & Vanessa, 2018; Alvarez et al., 2013). Intervensi kerja sosial sekolah pada peringkat mikro dan meso boleh juga menggunakan pendekatan terapi.

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif dan eksplorasi. Kajian deskriptif berguna bagi menggambarkan atau menyatakan ciri-ciri seperti pendapat, pengetahuan dan sikap populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara (Fraenkel, Wallen & Helen, 2018). Manakala kajian berbentuk eksplorasi bertujuan untuk meninjau sesuatu fenomena baru atau belum ada bagi mendalami pengetahuan dan penerimaan serta memberi gambaran awal tentang sesuatu intervensi yang bakal dilaksanakan.

### **Prosedur persampelan**

Kajian ini telah dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai lokasi kajian dilakukan secara bertujuan. Menurut Nor Khairiah dan Siti Fardaniah (2019) remaja yang tinggal di Kuala Lumpur telah terlibat dalam masalah sosial seperti gejala seks bebas, minum minuman keras di khalayak ramai dan pengedaran pil ecstasy. Kenyataan ini sama dengan kajian terdahulu oleh Zakiyah (2011) dan Othman dan Norazmah (2010) yang menyatakan pelajar yang tinggal di kawasan bandar lebih cenderung untuk terlibat dalam gejala sosial.

Secara keseluruhannya terdapat 87 buah sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur. Bagi memudahkan kajian, sekolah-sekolah tersebut telah dibahagikan kepada empat zon iaitu zon Pudu, zon Bangsar, zon Sentul dan zon Keramat. Bilangan sekolah yang terdapat mengikut zon tersebut ialah:

- i. Zon Pudu sebanyak 23 buah sekolah
- ii. Zon Bangsar sebanyak 23 buah sekolah
- iii. Zon Sentul sebanyak 21 buah sekolah
- iv. Zon Keramat sebanyak 20 buah sekolah

Pemilihan kaunselor sekolah sebagai responden kajian telah dilakukan di lima buah sekolah bagi setiap zon.

(i) Kaunselor sekolah

Pengkaji memilih kesemua kaunselor yang bertugas di 20 buah sekolah sebagai sampel kajian. Secara keseluruhannya seramai 45 kaunselor sekolah telah terlibat dalam kajian ini. Pengkaji telah menyediakan borang soal selidik dengan menggunakan bahasa Melayu dan mudah difahami. Pengkaji hanya memberi kaunselor sekolah borang soal selidik dan memberinya semula kepada penyelidik dalam tempoh yang ditetapkan oleh kaunselor sekolah. Biasanya kaunselor sekolah memerlukan tiga hingga lima hari untuk memberi semula borang soal selidik tersebut. Pengkaji sendiri yang datang bertemu dengan kaunselor sekolah untuk mendapatkan borang soal selidik yang telah diisi.

Pemilihan kaunselor sekolah sebagai responden adalah secara bertujuan kerana kaunselor sekolah telah didedahkan dalam aktiviti-aktiviti menangani masalah sosial pelajar. Kaunselor sekolah juga merupakan golongan yang dipertanggungjawabkan membantu pelajar yang menghadapi masalah di sekolah. Selain itu, kaunselor juga telah mengikuti beberapa kursus yang hampir sama yang diikuti oleh pekerja sosial di peringkat universiti. Oleh itu, kaunselor mahupun pekerja sosial telah terdedah dengan bidang tugas yang sama iaitu proses menolong individu (Matthew, 2010; Daftary & Ashley, 2020).

## **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Tahap penerimaan kaunselor terhadap intervensi kerja sosial sekolah dalam menangani masalah sosial pelajar ditentukan berdasarkan jumlah purata skor daripada 27 item yang dibina. Item-item tersebut adalah penerimaan terhadap intervensi kaunseling individu dan kumpulan, terapi keluarga, komuniti, aktor-aktor dalam komuniti, menjalani penyelidikan dan menggembangkan sumber, kumpulan rakan sedarjah, rakan sebaya, perunding, terapi main peranan, terapi berfokus cadangan-penyelesaian, terapi pemerhatian pembelajaran dan terapi modifikasi tingkah laku. Purata skor diperoleh daripada 27 item tentang penerimaan kaunselor terhadap

intervensi kerja sosial sekolah telah dijumlahkan menggunakan program SPSS. Dalam kajian ini purata skor yang diperoleh ialah 94.8. Skor tersebut dikategorikan kepada dua iaitu rendah (skor 94 ke bawah) dan tinggi (skor 95 ke atas).

Jadual 1: Tahap Penerimaan Kaunselor ke atas Intervensi Kerja Sosial Sekolah

Tahap Penerimaan Terhadap Intervensi Kerja Sosial Sekolah	KAUNSELOR (n = 45)	
	Bil.	%
<b>RENDAH</b> <b>(Skor 94 ke bawah)</b>	8	17.8
<b>TINGGI</b> <b>(Skor 95 ke atas)</b>	37	82.2

Nota: Purata skor = 94.8; Sisihan Piawaian = 17.6; Minimum = 27; Maximum = 135

Analisis menunjukkan sebilangan besar kaunselor (82.2%) mempamerkan tahap penerimaan yang tinggi terhadap intervensi kerja sosial sekolah. Hanya sebilangan kecil kaunselor (17.8%) mempunyai tahap penerimaan yang rendah (Jadual 1). Bagi kajian ini tahap penerimaan yang tinggi daripada kaunselor menunjukkan mereka bersedia untuk menerima intervensi yang dilaksanakan oleh pekerja sosial bagi mengatasi masalah sosial pelajar di sekolah. Penerimaan oleh kaunselor terhadap intervensi kerja sosial sekolah mungkin disebabkan oleh beban tugas yang mereka tanggung dan keperluan terhadap kepakaran pekerja sosial dalam mengendalikan masalah sosial pelajar khususnya yang berkaitan dengan keluarga pelajar. Alvarez et al. (2013) menyatakan peranan pekerja sosial adalah perlu dalam membantu pelajar bermasalah disebabkan bilangan kaunselor yang ditempatkan di setiap sekolah adalah terhad. Jumlah kaunselor yang tidak mencukupi menyebabkan proses pertolongan yang diberikan sangat terhad. Machelah (2017) menyatakan sejak tahun 2003, seorang kaunselor di sekolah perlu mengendalikan 500 orang pelajar di Malaysia. Jumlah pelajar yang dikendalikan oleh kaunselor sekolah adalah ramai berikutan bilangan kaunselor di setiap sekolah adalah terhad.

Penerimaan ini juga menunjukkan kaunselor inginkan pekerja sosial untuk sama-sama membantu kurangkan bebanan kaunselor dan sekaligus mampu membantu pelajar bermasalah dengan lebih efektif. Ini telah dinyatakan oleh Cynthia dan Vanessa (2018) bahawa guru, ibu bapa mahupun pelajar masih mahukan intervensi alternatif seperti profesion kerja sosial sekolah. Fuziah (2010) dan Azizan (2010) turut menyatakan bebanan tugas kaunselor yang bukan sahaja membantu pelajar tetapi turut

mengajar di kelas menyebabkan proses pertolongan membantu pelajar menjadi terhad. Sedangkan jumlah pelajar semakin bertambah dari tahun ke tahun. Perangkaan bilangan pelajar sekolah menengah pada tahun 2019 adalah seramai 2,037,433 orang manakala bilangan guru hanya seramai 179,750 orang (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Jumlah pelajar yang bertambah setiap tahun memerlukan bidang profesional seperti kerja sosial sekolah bagi membantu meringankan bebanan guru kaunselor dan menyelesaikan masalah sosial dalam kalangan pelajar. Ketidakseimbangan antara jumlah pelajar dengan guru mahupun kaunselor sekolah jelas menunjukkan keperluan intervensi kerja sosial sekolah bagi membantu pihak sekolah mengendalikan masalah disiplin pelajar.

Penemuan kajian ini turut memperlihatkan kaunselor sekolah lebih positif untuk menerima praktis kerja sosial sekolah ini untuk dilaksanakan oleh pekerja sosial. Penerimaan yang lebih positif ini menunjukkan kaunselor menyedari akan keperluan profesion kerja sosial sekolah ini akan membantu mereka untuk membantu lebih ramai pelajar bermasalah dengan efektif. Sejak tahun 2017, sebanyak 1,506 kes jenayah indeks direkodkan membabitkan pelajar sekolah dalam lingkungan usia tujuh hingga 18 tahun di Malaysia. Malah sebanyak 1,722 tangkapan dibuat sepanjang tempoh itu, lebih membimbangkan terdapat murid sekolah ditangkap atas kesalahan mencuri seawal usia tujuh tahun. Selain itu, 469 tangkapan ke atas pelajar pula membabitkan jenayah narkotik direkodkan sepanjang tempoh sama, dengan dua daripadanya membabitkan murid sekolah rendah. Berdasarkan statistik direkodkan, gejala jenayah dalam kalangan pelajar sekolah menjadi suatu perkara yang perlu diambil perhatian serius (Berita Harian, 2 Ogos 2019). Salah satu profesion yang berjaya membantu guru dan pihak sekolah dalam menangani masalah pelajar adalah profesion kerja sosial sekolah. Keadaan ini telah dibuktikan oleh praktis kerja sosial sekolah di negara-negara asia seperti Singapura, Jepun, Korea dan China (Azizan, 2010; Sosa & Kelly, 2017; Chen et al., 2018). Oleh itu, pekerja sosial sekolah yang kini kian diambil perhatian pelbagai pihak mampu dijadikan satu profesion baru dalam sistem pendidikan di Malaysia.

## **Kesimpulan**

Intervensi kerja sosial sekolah mampu dilaksanakan di sekolah dalam konteks Malaysia. Ini berdasarkan penemuan kajian yang dilihat lebih positif tentang pelaksanaan intervensi kerja sosial sekolah. Penemuan kajian mendapati penerimaan kaunselor sekolah terhadap intervensi kerja sosial sekolah adalah baik. Ini menunjukkan kaunselor dan pelajar bersedia untuk menerima pelaksanaan intervensi kerja sosial sekolah di sekolah. Penerimaan kaunselor terhadap intervensi kerja sosial sekolah oleh pekerja sosial mungkin disebabkan oleh bebanan tugas yang telah ditanggung oleh kaunselor. Tugas dan peranan kaunselor hanya membimbing pelajar sama ada dari segi akademik, kerjaya, psikologi dan sosial.

Namun, kaunselor kini terpaksa menjalankan peranan di luar bidang tugas khusus mereka seperti berhubung dengan keluarga, komuniti dan agensi untuk membantu pelajar bermasalah. Kaunselor juga turut terlibat untuk mengendalikan kelas pengajaran di sekolah. Selain itu, jumlah kaunselor sekolah yang terhad di setiap sekolah juga menjadi sebab perlunya pekerja sosial sekolah untuk bersama-sama kaunselor membantu pelajar bermasalah. Jumlah pelajar yang lebih ramai berbanding jumlah kaunselor di sekolah menyebabkan kaunselor hanya mampu menangani masalah segelintir pelajar. Sedangkan masih ramai pelajar yang memerlukan perkhidmatan pertolongan di sekolah.

Beberapa cadangan yang diperoleh berdasarkan penemuan kajian ini iaitu memperkembangkan idea-idea kerja sosial sekolah di sekolah. Kaunselor sekolah boleh dijadikan medium untuk menyampaikan maklumat berkenaan profesion kerja sosial sekolah sama ada kepada pelajar mahupun aktor-aktor lain yang terdapat di sekolah. Oleh itu, Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW) boleh memainkan peranannya untuk menyampaikan maklumat berkenaan intervensi kerja sosial sekolah kepada kaunselor. Selain itu, ahli akademik yang mempunyai bidang khusus kerja sosial sekolah ini mampu berhubung dengan kaunselor untuk menyampaikan maklumat berkenaan bidang tugas kerja sosial sekolah. Ini akan membantu kaunselor untuk mengetahui lebih mendalam mengenai profesion kerja sosial sekolah yang sememangnya berbeza dengan profesion kaunselor.

Pengetahuan tentang intervensi kerja sosial sekolah ini adalah penting kerana ia akan memudahkan proses pertolongan dijalankan. Ini kerana menjadi kesukaran untuk membantu pelajar jika pelajar tersebut tidak mengetahui siapa yang mampu membantu mereka. Selain itu, tidak terdapat pertindihan peranan. Oleh sebab sudah ada kaunselor sekolah, pengetahuan tentang peranan pekerja sosial sekolah adalah penting agar pihak pengetua, guru-guru, kaunselor mahupun pelajar tahu membezakan peranan yang dimainkan oleh kedua-dua profesi di sekolah. Selain itu, pengetahuan juga penting kepada kaunselor sekolah agar mereka tidak menganggap peranan mereka telah diambil alih oleh pekerja sosial. Sebaliknya perlunya kerjasama antara kedua-dua profesi bagi mengurangkan bebanan tugas kaunselor serta membantu pelajar dengan lebih efektif.

## Rujukan

Absha Atiah Abu Bakar & Mohd Isa Hamzah. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, (1)1, 1-17. Dimuat turun dari ejournals.ukm.my/jhadhari.

Alvarez, M.E., Bye, L., Randy, B. & Ann, M.M. (2013). School Social Workers and Educational Outcomes. *Children & Schools*, 35(4), 235-243. Dimuat turun dari <http://doi.org/10.1093/cs/cdt019>

Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi & Khairunnisa A. Shukor. (2016). Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *e-Bangi*, 11(2), 50-61. Dimuat turun dari ebangijurnalonline (ISSN: 1823-884X)

Azizan Bahari. (2010). *Permasalahan sosial pelajar: keperluan kepada kerja sosial sekolah*. Dimuat turun dari <http://www.sukarelawanmalaysia.com>

Berita Harian. (2019, 2 Ogos). *Tangani jenayah dalam kalangan murid sekolah*. Dimuat turun dari <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2019/08/591645/tangani-jenayah-dalam-kalangan-murid-sekolah>

Cournoyer, B.R. (2013). *The social work skills workbook*. Belmont: Brooks/Cole Cengage Learning.

Chen, H., Liu, X; Guz, S. R., Zhang, A; Franklin, C. Zhang, Y. & Qu, Y. (2018). The use of Solution-Focused Brief Therapy in Chinese schools: A qualitative analysis of practitioner perceptions. *International Journal of School Social Work*, 3(1), 1-16. Dimuat turun dari <https://doi.org/10.4148/2161-4148.1030>

- Cynthia, C.C. & Vanessa, V. (2018). *Knowledge of school resource officer roles and their perceptions on school social works roles* (Dissertation for Master of Social Work). Dimuat turun dari thesis online school social work.
- Daftary, A. & Ashley, M. M. (2020). Prioritizing school social workers roles and responsibilities to combat oppression in K-12 schools: perspectives from educators with anti-oppressive orientations. *International Journal of School Social Work*, 5(2), 1-14. Dimuat turun dari <http://doi.org/10.4148/2161-4148.1072>
- Dubois, B. & Miley, K.K. (2011). *Social work: an empowering profession* (7<sup>th</sup> Ed.). Allyn and Bacon.
- Fraenkel, J.C., Wallen, N.E. & Helen, H.H. (2018). *How to design and evaluate research in education*. USA. McGraw Hill.
- Hurlock, E. B. (1997). *Psikologi perkembangan suatu pendekatan sepanjang rentang kehidupan*. Jakarta: Erlangga. Dimuat turun dari <http://duniapsikologi.com>.
- Kelly, M.S., Frey, A.J., Alvarez, M., Berzin, S.C., Shaffer, G., & O'Brien, K. (2010). School Social Work Practice and Response to Intervention. *Children & Schools*, 32(4), 201-209. Dimuat turun dari ProQuest Education Journals
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Statistik bilangan sekolah, murid dan guru. Dimuat turun dari [emisportal.moe.gov.my](http://emisportal.moe.gov.my)
- Khairul Amri Ahmad. (2017). *Memperkasakan perkhidmatan kebajikan melalui piawaian kompetensi kompetensi kebangsaan praktis kerja sosial*. Prosiding PESAN 2017 (pp.396-403).
- Leyba, E. (2010). How school social workers integrate servise opportunities into multiple elements practice. *Children & School*, 32(1), 27. Dimuat turun dari ProQuest Education Journals.
- Machelah, N. (2017). *Keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia* (Doctoral Dissertation). Dimuat turun dari <http://studentsrepo.um.edu.my/7949/11/manchelah.pdf>
- Matthew, F. (2010). *Comparison of school counselors and school social works performance of tasks and perceived preparedness* (Doctoral Dissertation). From: ProQuest Education Journals.
- NASW. (2017). *Code of Ethics*. Dimuat turun dari <https://www.socialworkers.org/>
- Nurzaimah Asalal. (2016). Kajian kebolehlaksanaan intervensi kerja sosial dalam menangani masalah sosial pelajar. Dlm. Haris Abd Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah. *Kaedah penyelidikan kerja sosial: pengalaman di lapangan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Nurzaimah Asalal, Ezarina Zakaria & Haris Abd Wahab. (2013). Intervensi Kerja Sosial Sekolah Dalam Menangani Masalah Sosial Pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38(1).

- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Asma' Wardah Surtahman. (2015). Permasalahan sosial dalam kalangan remaja di Selangor: satu tinjauan. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*, 1-15.
- Nor Khairiah Amir & Siti Fardaniah Abd Aziz. (2019). Faktor remaja lari dari rumah dalam kalangan komuniti PPR Pantai Dalam dan Desa Rejang, Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-8. Dimuat turun dari <http://spaj.ukm.my/jws>.
- Othman Johan & Norazmah Mohamad Roslan. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja terlibat dalam masalah sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Dimuat turun dari <http://eprints.utm.my>.
- Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (Malaysian Association of Social Worker). (2015). Definisi kerja sosial. Dimuat turun dari [masw.org.my](http://masw.org.my)
- Salazar, L. (2010). *Developments in School Social Work from 1950-2000: an historical analysis*. Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Sapora, S. (2010). Profesionalisme kaunselor sekolah: satu tinjauan. *Psikologi Masyarakat Malaysia Semasa*, 97-105. Dimuat turun dari <http://ddms.usim.edu.my>.
- Sosa, L.V. & Kelly, M. (2017). School Social Work in a global context. *InternationalJournal of Social Work*, 2(1) 1-2. Dimuat turun dari <https://newprairiepress.org/ijssw>
- West, D., & Heath, D. (2011). Theoretical pathways to the future: globalization, ICT and social work theory and practice. *Journal of Social Work*, 11(2), 209-221. Dimuat turun dari <https://newprairiepress.org/ijssw>
- Zastrow, C. (2014). *Introduction to social work and social welfare*. Brooks/ColeEmpowerment Series: Cengage Learning.
- Zakiyah, J. (2011). Kafe siber dan salah laku remaja. Dlm. Abdul Razak, A. M., Noor Azizah & Ahmad Shukri. *Pengurusan dan Amalan Kerja Sosial*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.